

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 21 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 67-100317
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kolej swasta yang mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan nyatakan juga berapakah daripada jumlah tersebut dimiliki oleh bumiputera.
2. 29-100227
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan unit bazar MARA yang ada di seluruh negara mengikut negeri dan apakah Kementerian bercadang untuk menggantikan bazar berkenaan dengan bangunan baru memandangkan ada di antaranya yang sangat daif dan tidak lagi sesuai dengan keadaan hari ini. Adakah Kementerian sedar bahawa kebanyakan peniaga yang berniaga di bazar atau arked MARA selalunya gulung tikar. Apakah sebab perkara ini berlaku dan adakah Kementerian telah mencari punca kerugian peniaga.
3. 66-100458
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - (a) apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggubal satu kurikulum khas bagi mata pelajaran mengenai bahaya dadah; dan
 - (b) melatih guru-guru khas dalam bidang penyalahgunaan dadah.
4. 51-100147
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang dibekalkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah. Nyatakan juga bilangan unit rumah kos rendah yang akan dibina dalam tempoh 5 tahun yang akan datang mengikut daerah di negeri Perak.

5. 73-100190
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran di kalangan siswazah pada masa kini dan adakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berjaya dalam menangani masalah ini.
6. 19-100038
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan Sekolah Sukan di semua negeri bagi mencungkil bakat ahli-ahli sukan yang berpotensi di peringkat sekolah lagi supaya dapat meningkatkan mutu sukan negara keseluruhannya.
7. 43-100282
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
 - (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mempelbagaikan lagi hasil produk buah-buahan selain daripada jem dan jeruk memandangkan hasil buah-buahan ini bertambah dan terbuang begitu sahaja semasa musim buah; dan
 - (b) adakah MARDI mempunyai kajian yang tersendiri dalam perkara ini.
8. 17-100178
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan dipergiatkan untuk menjaga kebersihan di tempat-tempat pelancongan dan di pulau-pulau peranginan dan berapa banyak tempat pelancongan yang dianggap sebagai tempat kotor oleh pelancong.
9. 9-100420
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian mengenai kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan teksi dan lain-lain lagi ke kawasan perumahan yang baru dibuka dan adakah Kementerian menentukan keluasan sesebuah kawasan perumahan baru tersebut bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam.
10. 65-100168
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha mempercepatkan penukaran kad pengenalan lama kepada MyKad dengan memberikan hadiah-hadiah.

11. 33-100051
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah graduan menganggur yang berdaftar dengan Kementerian. Berapakah yang sudah berjaya mendapat pekerjaan dan apakah bidang pekerjaan yang banyak diperlukan pada masa ini.
12. 59-100012
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah peratus pantai dan kuala sungai di negara kita yang menghadapi ancaman hakisan yang perlu diatasi segera dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menghadapi masalah tersebut.
13. 78-100601
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah banyak penglibatan syarikat Bumiputera dalam tender-tender yang melibatkan negara luar. Apakah kriteria yang diperlukan untuk memasuki tender tersebut.
14. 7-100191
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
 - (a) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil supaya hampir 200 pelajar perubatan di Ireland yang telah menghabiskan pelajarannya dapat kembali ke negara kita untuk memulakan tugas mereka; dan
 - (b) apakah tindakan Kementerian bagi menjamin untuk mendapatkan balik pinjaman Kerajaan tersebut.
15. 45-100489
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha serantau yang dibuat oleh Kerajaan untuk menangani masalah jerebu yang sering melanda negara ini.
16. 57-100380
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik jumlah kes penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis sejak tahun 2000 mengikut pangkat, negeri dan tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap mereka.

17. 69-100443
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang akan menguatkuasakan Enakmen Ayam dan Unggas di seluruh negara bagi memastikan ladang ternakan haiwan tersebut diuruskan secara lebih tersusun.
18. 67-100302
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penggunaan MyKad di dalam membendung gejala penipuan yang sering berlaku di pusat-pusat kewangan negara dan apakah tahap keselamatan MyKad akan senantiasa terjamin memandangkan ianya mungkin akan menjadi mangsa teknologi hitam.
19. 21-100110
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawasi kemungkinan merebaknya selesema burung di negara kita.
20. 37-100009
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar yang akan mengikuti pengajian bidang "biotech" di IPTA tempatan mulai sekarang hingga tahun 2010. Apakah perangkaan pengambilan ini dapat menyokong dasar Kerajaan membangunkan industri "biotech" secara besar-besaran tanpa terlalu bergantung kepada kepakaran asing.
21. 76-100521
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faedah langsung dan tidak langsung serta pulangan pada rakyat tentang kewujudan jawatan-jawatan pentadbiran baru di Kementerian sebagai usaha menjayakan sektor pertanian.
22. 29-100274
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menentukan sifar denggi dan tibi yang mana punca jangkitannya adalah kebanyakan di kawasan yang bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Adakah wajar pihak berkuasa tempatan menitik beratkan program yang lebih kepada kemasyarakatan seperti mengadakan pertandingan melukis, masakan dan sebagainya dan menganggap bahawa tanggungjawab kepada kesejahteraan rakyat adalah masalah kedua.

23. 74-100127
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah hospital baru Alor Setar dan Sungai Petani dapat beroperasi dengan sepenuhnya.
24. 54-100077
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan penyertaan dan aktiviti warga tua di dalam masyarakat baik di bandar ataupun di pekan-pekan kecil di Sarawak.
25. 60-100454
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar negara. Apakah kemampuan kita untuk membayar hutang tersebut dan dari manakah sumber pinjaman tersebut.
26. 77-100506
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Temasek Holding yang dimiliki kepentingannya oleh Kerajaan Singapura memiliki ekuti dalam bank-bank di Malaysia. Apakah dasar Kerajaan tentang syarikat ini yang mempunyai hak milik dalam bank-bank di Malaysia.
27. 43-100287
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru di sekolah rendah dan sekolah menengah yang menghadapi "mental problem" atau "stress yang tinggi" yang boleh menyebabkan kepada berlakunya perkara yang tidak diingini atau kemerosotan prestasi murid-murid dan apakah tindakan Kementerian dalam menangani perkara ini.
28. 74-100125
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memantau kadar bayaran yang tinggi di hospital swasta.
29. 20-100419
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang lebih efektif memandangkan tragedi kemalangan meragut nyawa meningkat walaupun "Ops Sikap" diadakan setiap tahun terutama menjelang musim perayaan.
30. 45-100479
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh Syarikat Perumahan Negara sepanjang 2000 hingga 2004 bagi mengatasi masalah projek rumah terbengkalai.

31. 47-100334
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan cukai kereta nasional supaya lebih ramai rakyat dapat memiliki kereta dan menikmati kemudahannya.
32. 17-100177
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kesilapan maklumat semasa mengeluarkan MyKad , berapakah bilangan kesilapan untuk setiap jenis maklumat dan langkah-langkah yang diambil dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
33. 70-100066
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk tidak menggunakan lagi pesawat rasmi Kerajaan, Falcon yang dikatakan mengalami masalah teknikal dalam tempoh 6 hari di mana pesawat itu terpaksa berpatah balik sewaktu membawa YAB. Timbalan Perdana Menteri dan apakah pesawat itu sudah terlalu lama dan uzur.
34. 18-100258
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang dapat dilakukan dalam membanteras peningkatan kes kecurian kereta iaitu 892 kes di seluruh negara bagi 9 bulan pertama tahun ini dan apakah tindakan yang dapat diambil terhadap pengguna motosikal yang enggan menggunakan alat pengunci motosikal yang telah disediakan.
35. 39-100226
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang isu graduan menganggur yang semakin meningkat setiap tahun. Adakah langkah memanjangkan tempoh persaraan kakitangan Kerajaan dan swasta menggalakkan lagi masalah ini.
36. 49-100542
Dato' Omar bin Faudzar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persiapan Kerajaan dalam menangani masalah kenaikan harga minyak di pasaran dunia dan kenaikan elektrik semasa.
37. 37-100030
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa sehingga kini Private Healthcare Facilities Act masih belum dikuatkuasakan. Adakah akta yang akan berkuat kuasa ini memberikan kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk mengawal caj perubatan yang dikenakan oleh hospital swasta.

38. 54-100083
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak telah berbincang dan mempunyai rancangan untuk membantu dan menarik minat graduan yang menganggur untuk menceburi sektor pertanian yang melibatkan pemberian tapak tanah yang dipunyai oleh Kerajaan.
39. 39-100228
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sehingga kini adakah program-program televisyen di stesen swasta melalui proses penapisan yang sebenarnya. Apa yang dilihat terdapat sesetengah stesen swasta yang menayangkan program yang import seolah-olah tidak melalui proses penapisan.
40. 9-100418
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pencen pesara-pesara Kerajaan termasuk pesara bekas tentera yang masih menerima pencen di bawah tahap kemiskinan dan berapakah ramai pesara yang masih menerima pencen di bawah tahap kemiskinan.
41. 38-100351
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada kemelut berdarah di selatan Thailand telah menjejaskan kehadiran pelancong ke negara ini terutama di negeri-negeri utara Semenanjung.
42. 70-100058
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rasionalnya cadangan untuk mewujudkan sudut penceramah di universiti dan adakah cadangan tersebut relevan pada masa ini.
43. 75-100597
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah terdapat juga keputusan mengenai bayaran pampasan kepada mana-mana mangsa kemalangan berlaku perbezaan agak ketara antara satu hakim dengan hakim yang lain walaupun kategori kemalangan serta kecederaan hampir sama dan nyatakan kenapa tuntutan atau bayaran pampasan kemalangan lebih rendah daripada tuntutan saman malu serta apakah strategi Kerajaan untuk menggariskan satu kriteria agar tuntutan saman malu lebih realistik.
44. 65-100170
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah penting yang diambil oleh Kerajaan untuk membasmi rasuah setelah YAB Perdana Menteri sendiri memberi komitmen yang penuh.

45. 58-100470
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **PERDANA MENTERI** menyatakan akibat daripada kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa, inflasi telah meningkat dan kos harga pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan turut melambung tinggi. Apakah langkah-langkah dan strategi Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barang yang kini membawa impak yang besar kepada rakyat terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah.
46. 61-100353
Datuk Dr. Jins Shamsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan masih mengamalkan dasar penswastan ataupun pengkorporatan pada mana-mana agensi Kerajaan yang bermasalah dan yang manakah antara dua dasar ini lebih menguntungkan Kerajaan.
47. 20-100392
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah tindakan menangani beban tugas guru-guru yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan tahun 2006 serta insentif-insentif yang boleh meningkatkan semangat guru bertugas di kawasan pedalaman.
48. 56-100126
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk memberi butir-butir penuh dan terperinci mengenai cadangan untuk mengubati penyakit kanser di negara ini untuk tempoh lima tahun akan datang.
49. 77-100496
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan FELDA untuk jangka pendek dan panjang bagi membantu generasi masa kini dan akan datang dalam menjamin masa depan mereka agar tidak terus terjebak dalam gejala sosial di tanah rancangan mereka.
50. 46-100231
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jenis dan jumlah elaun bagi guru-guru Semenanjung yang mengajar di Sabah dan Sarawak.
51. 30-100567
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa corak dan unsur yang dipertontonkan oleh media elektronik swasta sejak kebelakangan ini cuba mendidik anak-anak ke arah perkara yang negatif. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut agar negara dapat melahirkan generasi cemerlang di masa akan datang.

52. 62-100621
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status keadaan kemiskinan dan garis kemiskinan di seluruh negara dan adakah usaha Kerajaan untuk mengkaji semula cara mengukur garis kemiskinan ini dilakukan.
53. 38-100374
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan jumlah yang telah diselesaikan tahun ini.
54. 44-100339
Puan Safinah binti Jusoh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes perceraian yang masih belum selesai di mahkamah syariah dan adakah Kerajaan menetapkan standard piawaian minimum tempoh sesuatu kes yang patut diselesaikan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap lelaki yang menceraikan isteri dan meninggalkan anak-anak dengan isteri serta kegagalan suami membayar nafkah bulanan.
55. 72-100616
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan maut dan biasa dan nyatakan juga statistik umur mereka berpandukan kemalangan motosikal dan kereta.
56. 48-100043
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan kemerosotan bilangan pelancong dari Negara China dan apakah tindakan yang telah diambil dalam usaha mempromosi sektor pelancongan.
57. 81-100640
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi yang akan diambil oleh OIC di dalam membantu ekonomi penduduk Islam minoriti di Asia seperti di Selatan Thailand dan Filipina.
58. 53-100645
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memantau perkhidmatan kesihatan dan kecantikan yang kini berleluasa terutama yang menawarkan suntikan vitamin untuk kelihatan anggun dan adakah perkhidmatan ini mendapat kelulusan terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan pengguna supaya perkhidmatan ini tidak disalah gunakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 24/2005) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.30/2005) | Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 | “ |
| 3. | (D.R. 29/2005) | Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 | “ |
| 4. | (D.R.27/2005) | Rang Undang-undang Kewangan 2005 | “ |
| 5. | (D.R.31/2005) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 | “ |
| 6. | (D.R. 22/2005) | Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia (USM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	21 Disember 2005
ST.117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Akreditasi Negara Bagi Tahun 2003.	21 Disember 2005
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	21 Disember 2005
ST.120	Laporan Tahunan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2003.	21 Disember 2005
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	21 Disember 2005
ST.124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	21 Disember 2005
ST.125	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	21 Disember 2005
ST.143	Laporan Tahunan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru Bagi Tahun 2004.	21 Disember 2005